

PERSEPSI PELAJAR TAHUN 4 FAKULTI PENDIDIKAN UTM TERHADAP PEMBAYARAN CAJ PERKHIDMATAN DALAM PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Arieff Salleh Bin Rosman & Mohd Firdaus Bin Mohd Jalil
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah pihak yang bertanggungjawab dalam memberikan kemudahan pinjaman kepada pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan mentadbir pembayaran semula pembiayaan serta pinjaman pelajaran. Kepentingan kajian ini untuk memberi kesedaran kepada pihak pelajar yang menuntut di IPT tentang caj perkhidmatan yang dikenakan dalam pinjaman pelajaran tersebut serta memberi peringatan kepada pihak PTPTN bahawa caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas setiap pinjaman pelajaran tersebut adalah termasuk dalam unsur lebihan atau riba. Objektif kajian ini adalah bagi mengenal pasti faktor yang mendorong pelajar membuat pinjaman PTPTN, mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap pembayaran caj perkhidmatan dalam pinjaman PTPTN dan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kesan pembayaran caj perkhidmatan dalam pinjaman PTPTN. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dan kaedah serta data yang digunakan adalah bersifat kuantitatif. Seramai 122 orang responden terdiri daripada 5 kursus pelajar tahun empat yang berlainan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor telah dipilih sebagai sampel. Kajian ini menggunakan soal selidik bagi mendapatkan data kajian dan memproses data yang diperolehi dengan menggunakan perisian *SPSS version 14.0*. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai faktor yang tersendiri untuk membuat pinjaman PTPTN dengan catatan min sebanyak 3.71. Namun, kajian juga menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap pembayaran caj perkhidmatan dalam pinjaman PTPTN adalah tinggi mencatatkan min 3.77. Pembayaran caj perkhidmatan dalam pinjaman PTPTN juga dapat memberikan kesan kepada pelajar berdasarkan catatan min 3.98.

ABSTRACT: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) is a government agency responsible in providing financial assistance to students furthering their study in Institut Pengajian Tinggi (IPT) and also in managing payment of education loans. The importance of this research is to inform students about the service tax charged by PTPTN and also to attract the attention of PTPTN that their service tax is associated with riba. The objectives of this research is to determine the factors causing students to take the PTPTN loans, the students knowledge about the interest payment in PTPTN loans and also the students' perception about the effect of paying the interest of PTPTN loans. This research uses a descriptive methodology while the data obtained are quantitative in nature. 122 respondents from fourth year students from 5 courses at the Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor were chosen as sample for this study. This research uses questionnaires in or order to obtain research data and the data obtained is processed using *SPSS version 14.0* software. The result shows that most students have their own reasons to take the PTPTN loans with a mean result of 3.71. It was also discovered that the students knowledge about interest payment in PTPTN loans is high with mean result of 3.77. Finding also shows that the interest payment in PTPTN loans can effect the students with a mean result of 3.98.

Katakunci: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Institusi Pengajian Tinggi (IPT), *SPSS*

PENGENALAN

Sekitar tahun 1980-an, rata-rata pelajar yang mendapat peluang menyambung pelajaran mereka ke peringkat lebih tinggi (Diploma atau Ijazah) di dalam atau di luar negeri meningkat dengan mendadak. Hasil usaha gigih pelajar, maka peluang untuk menyambung pelajaran terbuka luas. Maka, berbondong-bondonglah pelajar kita yang pergi menuntut ilmu. Ada yang mendapat peluang di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan namun bilangan yang mendapat peluang ke luar negara adalah tinggi. Kebanyakan daripada mereka ini mendapat tajaan daripada pihak yayasan negeri, biasiswa kerajaan ataupun tajaan pinjaman pelajaran Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Kini setelah 30 tahun masa berlalu, biasiswa yang dahulunya diberikan kepada pelajar cemerlang telah tiada. Pinjaman MARA seakan kontang dan susah untuk diperolehi. Ada keluarga pelajar yang terpaksa meminjam wang dari bank, along (lintah darat) atau ceti haram semata-mata untuk memungkinkan anak mereka mendapat pelajaran di peringkat tinggi. Maka, beberapa kekecohan berlaku sehingga menuntut diwujudkan satu tabung untuk membiayai pendidikan pelajar. Satu tabung yang dikenali sebagai Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (TPTN) yang dikendalikan oleh satu badan yang telah diperbadankan iaitu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang telah ditubuhkan pada tahun 1997. (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional» www.e-kerjaya.com bertarikh 19 Julai 2008)

Pernyataan Masalah

Dengan jumlah bayaran yang banyak dan tidak termasuk dengan bayaran lain yang perlu dijelaskan oleh peminjam sudah tentu membebankan. Kenyataan ini telah diadukan oleh peminjam sebelum ini kerana bebanan pinjaman yang begitu banyak. Antaranya kenyataan yang diadukan oleh wakil Persatuan Pelajar Islam Universiti Malaya yang menyatakan bahawa kadar caj perkhidmatan yang dikenakan oleh PTPTN adalah satu bebanan dan dianggap terdapat unsur riba. Oleh itu, Majlis Fatwa Kebangsaan diminta menyemak caj tiga peratus Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) dikenakan ke atas pelajar yang membuat pinjaman bagi mengelakkan wujud unsur riba. (isu-riba-dalam-ptptn.html oleh Mohd Khairul Naim Che Nordin bertarikh 26 Julai 2008)

Menurut Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, penjelasan daripada majlis itu kelak akan menyakinkan semua peminjam sekaligus menjawab segala spekulasi mengenai pembayaran balik yang dikatakan membebankan pelajar itu. “Saya tidak ada masalah memanggil Majlis Fatwa untuk mengesahkan caj perkhidmatan yang dikenakan itu tidak mempunyai unsur riba. Bayaran tiga peratus itu adalah untuk caj perkhidmatan bagi menanggung kos pengurusan, kutipan dan penyelarasan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Bulanan Kementerian Pengajian Tinggi yang pertama sejak dilantik mengetuai kementerian itu. (Utusan Malaysia bertarikh 28 April 2008)

Hasil daripada perbincangan tersebut, Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan caj perkhidmatan yang dikenakan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ke atas peminjamnya tidak menyalahi syarak tetapi mahu kadar tiga peratus sedia ada diturunkan bagi meringankan beban pelajar. Pengerusinya, Datuk Dr. Abdul Shukor Husin berkata, keputusan itu dicapai hasil muzakarah khas yang dipengerusikan beliau bersama wakil PTPTN di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). Menurut beliau, sebelum ini caj perkhidmatan yang dikenakan PTPTN ialah 4% pada 1997 sebelum ia diturunkan kepada 3%. (Utusan Malaysia bertarikh 1 Ogos 2008)

Menurut Ustaz Zaharuddin menyatakan bahawa dari sudut syariah, 3 % yang diletakkan oleh PTPTN sebagai kos perkhidmatan itu adalah dianggap sebagai riba. Tidak dinafikan bahawa para ulama sedunia telah meluluskan bahawa halal bagi sesuatu pinjaman yang dibuat atas asas Qardhul Hasan mengenakan sejumlah kos perkhidmatan kepada peminjam, bagaimanapun cara yang digunakan oleh PTPTN adalah

tidak menepati fatwa tersebut. (PTPTN, Status Syariah & Kos Perkhidmatan sumber www.zaharuddin.net bertarikh 7 April 2007)

Berdasarkan pernyataan masalah yang diberikan di atas, terdapat perbezaan kenyataan yang dikeluarkan oleh beberapa pihak berkenaan dengan isu ini. Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat dan mengetahui sendiri persepsi pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan UTM, Skudai terhadap pembayaran kadar caj perkhidmatan yang dikenakan oleh PTPTN.

Objektif Kajian

1. Untuk mengenal pasti faktor yang mendorong pelajar membuat pinjaman PTPTN.
2. Untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap pembayaran caj perkhidmatan dalam pinjaman PTPTN.
3. Untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kesan pembayaran caj perkhidmatan dalam pinjaman PTPTN.

Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini berdasarkan kepada beberapa pihak iaitu:

Pelajar

Golongan yang sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi memberikan kesedaran bahawa terdapat kadar caj perkhidmatan dalam pinjaman PTPTN dan membuka jalan kepada mereka mencari alternatif lain untuk membiayai perbelanjaan pembelajaran mereka.

Pihak PTPTN

Badan yang bertanggungjawab menguruskan pinjaman kepada pelajar dan pihak yang perlu mengkaji semula status caj perkhidmatan yang dikenakan supaya tidak membebankan pelajar dan tiada unsur riba.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor ke atas pelajar tahun 4 yang terdiri daripada 5 kursus berlainan daripada 14 kursus yang ditawarkan oleh pihak universiti tersebut.

METODOLOGI

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Mohd. Majid Konting (2004:58), populasi merujuk kepada satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999:37) pula, populasi merupakan semua ahli dalam kelompok. Oleh yang demikian, perwakilan yang menyeluruh diperlukan supaya gambaran sebenar populasi dapat diperolehi.

Populasi dalam kajian ini terdiri daripada 150 orang pelajar tahun empat yang menerima pinjaman PTPTN dengan memilih 5 kursus daripada 14 kursus yang ditawarkan iaitu pelajar Pendidikan Bahasa Inggeris, pelajar Pendidikan Fizik, pelajar Pengajian Islam, pelajar Pendidikan Kimia dan pelajar Pendidikan Sains Sukan sebagai sampel kajian. Pemilihan ini dilakukan dengan menggunakan persampelan berkelompok iaitu dengan membahagikan kawasan tempat kajian dan berikan nombor. Kemudian kawasan-kawasan dipilih secara rawak dan kesemua subjek yang terdapat dalam kawasan yang

dipilih diambil sebagai subjek. Rasional pemilihan pelajar tahun empat sebagai sampel dalam kajian ini dipengaruhi oleh faktor kematangan dalam membuat sesuatu keputusan dengan lebih rasional dan merupakan pelajar tahun akhir yang akan mula membayar balik pinjaman PTPTN berserta kadar caj perkhidmatannya setelah bekerja kelak.

Secara umum golongan pelajar di institusi pengajian tinggi ini yang membuat pinjaman PTPTN untuk membiayai pembelajaran mereka. Ini akan memudahkan lagi penyelidik untuk memperolehi hasil dapatan yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Penyelidik telah membuat keputusan untuk mengambil semua sampel kajian berdasarkan jumlah populasi daripada kelima-lima kursus sebagai responden.

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), 30% daripada jumlah populasi sudah mencukupi untuk dijadikan sampel kajian. Oleh itu, penyelidik mengambil seramai 122 orang pelajar (81.33%) tahun empat daripada lima kursus sebagai sampel kajian. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan bilangan responden.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat untuk mendapatkan data dari sampel kajian. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999:40), instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperoleh dan ini mempengaruhi jenis analisis penyelidik. Semasa melaksanakan kajian ini, terdapat dua jenis data diperlukan iaitu data primer dan data sekunder.

Pengumpulan Data Primer

Borang Soal Selidik

Pengumpulan data primer yang digunakan oleh penyelidik adalah menggunakan kaedah soal selidik. Menurut Mohd. Majid Konting (1994:202), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999:61), penyelidik boleh menggunakan instrumen yang telah dibina oleh orang lain atau membinanya sendiri. Set soal selidik dalam kajian ini telah dibina sendiri oleh penyelidik setelah berbincang dengan penyelia. Set soal selidik ini diedarkan kepada pelajar-pelajar tahun 4 di Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai yang terdiri daripada 5 kursus berlainan untuk mendapatkan data.

Pengumpulan Data Sekunder

Bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu, data sekunder yang relevan diperlukan bagi menyokong huraian tersebut. Data-data ini diperoleh melalui buku-buku rujukan, laporan dan penyelidikan, majalah dan juga tesis-tesis yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara tempat yang menjadi rujukan penyelidik ialah Perpustakaan Sultanah Zanariah (UTM), Pusat Sumber Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam (UM), Kuala Lumpur.

Kajian Rintis

Kajian rintis ialah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Penyelidik menjalankan kajian rintis ke atas 10 orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) tahun tiga yang mengikuti program sepenuh masa di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Rasional pemilihan sampel untuk kajian rintis ini kerana ianya mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak diuji.

Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk:

- i. Mengetahui kebolehpercayaan dan nilai kesahan item soalan yang dibina.
- ii. Mengetahui semua kenyataan di dalam soal selidik jelas dan mudah difahami sama ada dari segi bahasanya, isi kandungannya dan kejelasan maksudnya.
- iii. Memperbaiki kenyataan item yang boleh menimbulkan takrifan yang berlainan dengan responden.
- iv. Menimbang tempoh masa yang diambil untuk menjawab borang soal selidik yang diedarkan.
- v. Hasil kajian rintis ini telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science* (SPSS) versi 14.0.

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, nilai *Alpha* yang diperolehi daripada kajian rintis ini ialah 0.705. Menurut Mohd. Majid Konting (2004:183), pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada nilai 0.6, boleh digunakan. Ini menunjukkan soalan yang telah direkabentuk oleh penyelidik mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

PERBINCANGAN

Latar Belakang Responden

Kajian ini telah dilaksanakan ke atas para pelajar tahun akhir di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai Johor Darul Takzim seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini. Responden yang dipilih adalah para pelajar tahun empat daripada 5 kursus berlainan iaitu mereka yang telah berada pada tahun akhir.

Jika dirujuk kepada penganalisisan data dalam bab IV, jumlah responden perempuan melebihi responden lelaki dengan perbezaan sebanyak 60.6%. Hal ini adalah kerana perempuan sememangnya lebih ramai di Fakulti Pendidikan. Dari segi taburan mengikut agama pula, responden yang terlibat dengan kajian ini terdiri daripada lima agama iaitu Islam, Hindu, Buddha, Kristian dan lain-lain.

Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti umur responden berada sekitar umur 24 hingga 26 tahun. Responden yang berumur di antara 24 hingga 26 sebanyak (50.8%) iaitu seramai 62 orang. Manakala seramai 55 orang responden berumur sekitar 21 hingga 23 tahun (45.1%), diikuti 5 orang responden (4.1%) berumur 27 tahun ke atas.

Taburan responden mengikut jumlah pinjaman juga diambilkira oleh penyelidik bagi melihat sebanyak mana jumlah pinjaman yang dipinjam mereka. Jelas memperlihatkan majoriti jumlah pinjaman yang dipinjam oleh responden adalah dalam lingkungan RM26,000-RM30,000 seramai 59 orang (48.4%), diikuti dengan RM5,000- RM10,000 seramai 24 orang (19.7%), RM30,000 ke atas seramai 13 orang (10.7%), RM21,000-RM25,000 seramai 12 orang (9.8%), RM11,000-RM15,000 seramai 11 orang (9.0%) dan RM16,000-RM20,000 seramai 3 orang (2.5%).

Responden yang terlibat dengan kajian ini diambil daripada beberapa kursus yang wujud di Fakulti Pendidikan bagi pelajar Perdana iaitu sebanyak 5 kursus daripada 14 kursus yang kebanyakannya adalah lepasan matrikulasi, diikuti lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), lepasan diploma dan lain-lain lepasan. Tujuan pengambilan beberapa kursus ini adalah untuk mendapatkan keputusan yang adil dan menyeluruh untuk melihat pandangan keseluruhan pelajar di Fakulti Pendidikan UTM.

Faktor yang Mendorong Pelajar Membuat Pinjaman PTPTN

Bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan, penyelidik telah menyediakan 13 item soalan untuk dijawab oleh responden. Kesemua item soalan yang dibina adalah untuk mengetahui faktor yang mendorong pelajar membuat pinjaman PTPTN.

Pengetahuan tentang faktor yang mendorong pelajar membuat pinjaman PTPTN pada item 1 berdasarkan maksud pinjaman iaitu memulangkan jumlah yang dipinjamkan sahaja. Analisis menunjukkan majoriti di kalangan responden bersetuju dengan catatan 104 responden (85.2%) bersetuju dengan pernyataan ini manakala 18 responden yang lain (14.8%) tidak bersetuju. Terdapat beberapa responden yang masih tidak bersetuju mungkin disebabkan kekurangan ilmu pengetahuan tentang pinjaman tersebut. Hal ini bertepatan dengan pandangan yang diberikan oleh Osman Sabran (2001:2) yang menyatakan peminjam hanya wajib mengembalikannya sebanyak mana jumlah wang yang telah dipinjamnya sahaja.

Kekurangan tabungan untuk menampung keperluan hidup di institusi pengajian tinggi menyebabkan saya membuat pinjaman PTPTN pada item 2 menunjukkan 105 responden (86%) berpendirian setuju manakala terdapat 15 responden (14%) yang tidak bersetuju. Hal ini disokong lagi dengan pernyataan pada item 3 iaitu kesempitan wang menyebabkan saya membuat pinjaman PTPTN dengan catatan 96 responden (78.7%) bersetuju dan hanya 26 responden yang lain (21.3%) yang tidak bersetuju. Manakala item 9 pula menyatakan pihak keluarga mendorong saya membuat pinjaman PTPTN mencatatkan 67 responden (54.9%) bersetuju hanya 55 responden sahaja (45.1%) yang tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Ini disebabkan terdapat segelintir pelajar yang berasal daripada keluarga berada menyebabkan mereka tidak bergantung harap kepada pinjaman PTPTN. Namun, terdapat juga keluarga yang kurang berkemampuan untuk membiayai pembelajaran anak-anak mereka di institusi pengajian tinggi dan hal ini dijelaskan lagi dalam akhbar Utusan Malaysia bertarikh 28 Disember 2007.

Bagi item 4 pula menyatakan bahawa PTPTN adalah sebuah badan yang menguruskan pinjaman pelajaran kepada pelajar. Analisis menunjukkan 117 responden yang berpendirian setuju (95.9%). Hanya 5 responden (4.1%) yang tidak setuju. Pernyataan ini dikuatkan lagi pada item 5 iaitu saya tidak mempunyai pilihan lain untuk membuat pinjaman pelajaran dengan catatan 74 responden (60.7%) bersetuju dan 48 responden (39.3%) yang tidak setuju. Bagi mereka yang tidak bersetuju itu kemungkinan mendapat pembiayaan pelajaran daripada pihak lain. Hal ini disokong lagi dalam laman web www.e-kerjaya.com bertarikh 9 September 2007 menyatakan PTPTN adalah sebuah badan yang ditubuhkan pada tahun 1997 yang berfungsi untuk secara fokusnya memberikan kemudahan pinjaman kepada pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Seterusnya, pada item 6 iaitu kos sara hidup dan belajar di IPT adalah tinggi dan tidak mencukupi menyebabkan saya terpaksa membuat pinjaman dengan PTPTN menunjukkan 93 responden (76.2%) bersetuju manakala 29 responden yang lain (23.7%) tidak bersetuju. Hal ini disokong lagi pada item 12 menyatakan pinjaman PTPTN sudah cukup untuk menampung keperluan hidup pelajar di institusi pengajian tinggi adalah tidak bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Analisis menunjukkan 58 responden (47.6%) yang bersetuju manakala 64 responden atau 52.4% tidak setuju. Ini kerana dalam akhbar Utusan Malaysia bertarikh 28 Disember 2007 menyatakan perkara ini berbanding dengan pelajar yang menuntut di luar negara kerana mereka belajar sambil bekerja untuk menampung kos pembiayaan pengajian mereka di sana. Keadaan ini amat berbeza dengan kehidupan pelajar yang belajar di dalam negara sendiri. Hal ini menunjukkan pinjaman yang ditawarkan oleh PTPTN masih tidak mencukupi bagi menampung keperluan hidup pelajar yang menuntut di kawasan kos sara hidup tinggi terutama di kawasan bandar.

Kadar pinjaman yang ditawarkan oleh PTPTN adalah tinggi menyebabkan saya membuat pinjaman tersebut berbanding pinjaman pelajaran yang lain pada item 7 menunjukkan kebanyakan responden dengan catatan 73 responden (59.8%) tidak bersetuju manakala 49 responden yang lain (40.2%) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Perkara ini disokong lagi dengan pernyataan pada item 11 iaitu pinjaman PTPTN membolehkan saya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi mencatatkan 90 responden (73.8%) bersetuju manakala 32 responden yang lain (26.2%) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini kurang bertepatan dengan fakta yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui laman web rasminya bertarikh 29 Mac 2009 menyatakan amaun pinjaman

pendidikan yang diberikan kepada setiap pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama ialah di antara RM3,500 hingga RM7,000 setahun bagi pelajar aliran sains, dan daripada RM3,000 hingga RM6,500 setahun bagi pelajar aliran sastera. Manakala amaun bagi pelajar di peringkat diploma pula ialah di antara RM2,500 hingga RM5,000 setahun. Bagi pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) amaunnya ialah di antara RM8,500 hingga RM20,000 setahun bagi pelajar peringkat ijazah pertama aliran sains, dan daripada RM8,000 hingga RM16,000 setahun bagi pelajar aliran sastera. Bagi pelajar peringkat diploma, amaunnya ialah RM3,500 hingga RM5,000 setahun. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar masih berasa bahawa jumlah pinjaman yang diberikan kepada mereka tidak mencukupi dengan keadaan taraf hidup semakin meningkat terutama di kawasan bandar dan mereka sukar untuk memohon bantuan pinjaman lain. Oleh itu, pihak PTPTN perlu mengkaji semula jumlah pinjaman ini agar mencukupi bagi menampung keperluan hidup peminjam semasa belajar di IPT.

Bagi item 8 pula yang menyatakan bahawa saya mempunyai masalah untuk memohon pinjaman pelajaran yang lain mencatatkan 60 responden (49.2%) bersetuju manakala 62 responden lagi (50.8%) tidak bersetuju. Perbezaan responden amat sedikit ini menunjukkan mereka mempunyai sumber pinjaman yang lain seperti daripada kalangan keluarga sendiri atau pihak pinjaman pelajaran yang lain tetapi kebanyakannya sukar untuk diperolehi seperti tawaran biasiswa daripada kerajaan negeri atau pihak jabatan awam hanya untuk pelajar yang cemerlang sahaja. Hal ini disokong oleh pernyataan yang dikeluarkan melalui laman web www.e-kerjaya.com bertarikh 19 Julai 2008.

Pada item 10 yang menyatakan tempoh bayaran balik pinjaman yang panjang menyebabkan pelajar memilih untuk membuat pinjaman PTPTN mencatatkan 57 responden (46.7%) bersetuju manakala terdapat 65 responden (53.3%) yang tidak setuju. Majoriti responden kurang bersetuju dengan tempoh bayaran balik pinjaman PTPTN. Hal ini kurang bertepatan dengan fakta yang diberikan dalam akhbar Utusan Malaysia bertarikh 17 Oktober 2008 menyatakan tempoh pembayaran balik pinjaman PTPTN adalah seperti berikut RM10,000 dan ke bawah - 60 bulan, RM10,001 hingga RM22,000 - 120 bulan, RM22,001 hingga RM50,000 - 180 bulan, RM50,001 ke atas - 240 bulan dan pembayaran boleh dibuat selepas 6 bulan tamat pengajian. Oleh itu, pihak PTPTN perlu mengkaji semula tempoh pembayaran balik pinjaman yang diberikan kepada peminjam ini.

Menabung adalah satu cara yang baik bagi mengelakkan pelajar membuat pinjaman pelajaran. Bagi item 13 mencatatkan sebanyak 100 responden (81.9%) bersetuju dengan pernyataan ini manakala 22 responden (18%) memilih tidak setuju. Kebanyakan responden bersetuju dengan pernyataan tersebut dan ini menyokong pendapat yang dinyatakan oleh Siti Rohani (1985:195) tabungan ialah menahan diri daripada mengguna dan membelanjakan pendapatan ke atas barang dan perkhidmatan pada masa sekarang untuk penyediaan sejumlah wang bagi pembelian akan datang. Oleh itu, adalah lebih baik jika kita mula menabung dari sejak kecil lagi supaya dapat menggunakan tabungan tersebut apabila kesempatan kelak.

Oleh itu, nilai min keseluruhan bagi bahagian B berkaitan faktor yang mendorong pelajar membuat pinjaman PTPTN ini adalah 3.71 dan ini menunjukkan nilai min berada pada tahap yang tinggi. Para pelajar mempunyai faktor yang tersendiri untuk membuat pinjaman PTPTN terutama disebabkan kesempatan hidup untuk menampung perbelanjaan hidup di institusi pengajian tinggi.

Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Pembayaran Caj Perkhidmatan dalam Pinjaman PTPTN

Seterusnya bagi objektif kedua, penyelidik telah membina 11 item soalan yang dijangka dapat menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Item-item soalan yang didirikan adalah menjurus kepada tahap pengetahuan pelajar terhadap pembayaran caj perkhidmatan dalam pinjaman PTPTN.

Pada item 14 iaitu pihak PTPTN mengenakan caj ke atas setiap pinjaman yang diberikannya kepada pelajar menunjukkan majoriti pelajar bersetuju dengan catatan 116 responden (95.1%) manakala 6 responden (4.9%) tidak setuju. Perkara ini disokong lagi dengan item 17 iaitu terdapat kadar caj perkhidmatan yang dikenakan dalam pinjaman PTPTN yang dikenali sebagai caj perkhidmatan mencatatkan 89 responden (73%) bersetuju dan hanya 33 responden (27%) yang tidak setuju. Masih terdapat beberapa pelajar yang kurang bersetuju dengan pernyataan ini kerana kemungkinan mereka kekurangan ilmu pengetahuan mengenai kadar caj perkhidmatan yang dikenakan oleh PTPTN atau mereka tidak mengambil tahu tentang kadar caj perkhidmatan ini. Tetapi, menurut laman web Hizbut Tahrir Malaysia bertarikh 9 September 2008 menyatakan bahawa pihak PTPTN telah dengan mengenakan caj perkhidmatan bagi setiap jumlah pinjaman yang dipinjam oleh pelajarnya menyebabkan segelintir pelajar keliru dengan status pembayaran pinjaman berserta caj perkhidmatannya.

Pada item 15 dengan pernyataan saya telah memikirkan terlebih dahulu tentang kadar caj perkhidmatan dalam pinjaman PTPTN sebelum membuat pinjaman pelajaran dengan catatan 91 responden (74.6%) bersetuju manakala 31 responden yang lain (25.4%) tidak bersetuju. Majoriti responden bersetuju dengan pernyataan itu mungkin disebabkan hasil pembacaan dan pengalaman daripada pelajar sebelum ini yang telah membuat pinjaman PTPTN. Bagi item 20 yang menyatakan para pelajar tidak diberikan pendedahan mengenai jumlah caj yang dikenakan semasa membuat pinjaman PTPTN mencatatkan 67 responden (54.9%) bersetuju manakala 55 responden lagi (45.1%) berpendapat tidak setuju dengan pernyataan ini. Perkara ini disokong lagi dengan item 21 iaitu kebanyakan pelajar langsung tidak sedar mengenai kewujudan caj perkhidmatan kerana kontrak perjanjian yang sangat panjang menyebabkan pelajar malas untuk memahaminya menunjukkan 86 responden (70.5%) bersetuju manakala 36 responden (29.5%) tidak bersetuju. Hasil daripada analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa semasa taklimat pinjaman PTPTN diberikan berkemungkinan segelintir pelajar ini tidak mengambil berat tentang caj yang dikenakan tetapi telah termaktub dalam perjanjian PTPTN yang wajib ditandatangani oleh setiap peminjam bahawa mereka akan membayar pinjaman berserta kos pentadbiran yang dikenakan secara ansuran bulanan seperti yang tercatat dalam peraturan am mengisi dokumen perjanjian melalui laman web rasmi PTPTN www.ptptn.gov.my bertarikh 28 Mac 2009. Selain itu, dokumen perjanjian yang agak panjang menyebabkan pelajar berasa malas untuk membaca dan memahaminya langsung menandatangani sahaja.

Bagi item 16 pula menyatakan bahawa kadar caj perkhidmatan yang dikenakan oleh PTPTN adalah berpatutan mencatatkan bilangan responden yang tidak bersetuju adalah lebih ramai berbanding responden yang bersetuju dengan pernyataan ini. Analisis menunjukkan 99 responden iaitu (81.1%) berpendirian tidak setuju hanya 23 responden (18.9%) yang lain bersetuju. Hal ini kerana terdapat bantahan daripada peminjam itu sendiri yang terbeban dengan kadar caj perkhidmatan yang dikenakan oleh PTPTN. Hasil bantahan peminjam itu, pihak PTPTN melalui akhbar Utusan Malaysia bertarikh 17 Oktober 2008 menyatakan sebelum Disember 2003, penerima pinjaman perlu membayar kos pentadbiran sebanyak 4% setahun tetapi bermula Januari 2004 kos pentadbiran diturunkan kepada 3%. Kabinet bersetuju mengurangkan caj perkhidmatan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada satu peratus (1%) bagi semua pelajar universiti berkuatkuasa Disember 2008.

Kadar caj perkhidmatan yang dikenakan oleh PTPTN itu adalah termasuk dalam riba atau lebihan pada item 18 menunjukkan kebanyakan responden bersetuju dengan kenyataan itu. Analisis mencatatkan 89 responden (73%) bersetuju dan hanya 33 responden (27%) yang tidak setuju. Segelintir responden berpendapat tidak bersetuju dengan pernyataan ini kerana mungkin kekurangan ilmu pengetahuan selain dalam agama masing-masing ada yang tidak menitikberatkan soal riba. Namun, menurut Said Ali al-Qahtani (2003:5) menyatakan bertambah dan berkembang ini dimaksudkan sama ada yang bertambah itu bendanya sendiri atau bertambah dengan yang lain seperti satu dirham menjadi dua dirham. Kenyataan ini disokong lagi oleh Badan Kewangan & Perakaunan Islam Antarabangsa (AAOIFI) melalui akhbar Harian Metro bertarikh 21 April 2008 juga menyatakan bahawa semua caj perkhidmatan atau lebihan daripada

jumlah yang diberi pinjam yang telah dipersetujui atau disyaratkan di dalam kontrak atau akad pinjaman yang dibuat pada awal kontrak atau dikenakan ketika kelewatan pembayaran balik pinjaman sama ada dalam bentuk wang, barangan dan apa-apa manfaat adalah dilarang sama sekali dan ia adalah riba.

Manakala item 19 pula menyatakan bahawa kadar caj perkhidmatan yang dikenakan dalam pinjaman oleh PTPTN adalah termasuk dalam kontrak perjanjian menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan pernyataan ini dan hanya segelintir sahaja yang tidak bersetuju. Analisis mencatatkan 94 responden (77.1%) bersetuju manakala 28 responden (22.9%) tidak setuju. Ini mungkin disebabkan segelintir yang tidak bersetuju ini kurang mengambil berat semasa menandatangani perjanjian pinjaman tersebut. Perkara ini telah dijelaskan dalam laman web PTPTN, <http://www.moe.gov.my/faq/faq1.htm> bertarikh 26 Julai 2008 bahawa PTPTN telah mengenakan caj perkhidmatan sebanyak 3% setahun kepada semua peminjamnya seperti yang terdapat dalam surat perjanjian bagi menampung wang yang semakin berkurangan akibat kelemahan sistem pengurusan.

Terdapat lain-lain caj perkhidmatan yang dikenakan semasa membuat pembayaran balik pinjaman seperti RM2 dikenakan jika transaksi melalui bank dan RM0.50 dikenakan jika transaksi melalui internet pada item 22 menunjukkan 88 responden (72.2%) bersetuju manakala 34 responden yang lain (27.8%) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini disokong lagi dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak PTPTN melalui laman web rasminya www.ptptn.gov.my bertarikh 28 Mac 2009 menyatakan setiap pembayaran yang dilakukan melalui kaunter bank atau secara online akan dikenakan caj perkhidmatan oleh pihak bank tersebut.

Bagi item 23 pula, majoriti responden bersetuju dengan pernyataan menjadi kewajipan kepada setiap peminjam PTPTN untuk membayar balik pinjaman yang diberikan kepadanya. Analisis menunjukkan 111 responden (91%) bersetuju manakala 11 responden lagi (9%) berpendirian tidak setuju. Ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan responden memahami maksud pinjaman itu kerana setiap barang yang dipinjam hendaklah dipulangkannya. Perkara ini disokong lagi dengan pendapat H. Chairuman Pasaribu (1994:136) menyatakan bahawa pinjaman adalah suatu perjanjian dengan mana-mana pihak yang satu memberikan kepada pihak yang lain suatu jumlah tertentu dengan syarat bahawa pihak yang meminjam ini akan mengembalikan sejumlah yang sama daripada jumlah asal yang dipinjamnya.

Pada item 24 yang menyatakan kadar kenaikan caj berlaku secara mendadak sedangkan sewaktu kerajaan mengumumkan kadar penurunan caj yang lebih rendah pelbagai alasan yang diberikan. Analisis menunjukkan sebanyak 92 responden (75.4%) bersetuju dengan pernyataan ini manakala 30 responden yang lain (24.6%) tidak setuju. Hal ini kerana mungkin segelintir peminjam tidak mengambil berat tentang caj yang dikenakan oleh PTPTN. Perkara ini bertepatan dengan kenyataan yang diberikan oleh Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr. Abdul Shukor Husin melalui akhbar Utusan Malaysia bertarikh 29 Julai 2008 berkata, keputusan itu dicapai hasil muzakarah khas yang dipengerusikan beliau bersama wakil PTPTN di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Menurut beliau, sebelum ini caj perkhidmatan yang dikenakan PTPTN ialah 4% pada 1997 sebelum ia diturunkan kepada 3%. "Setelah diberi penerangan mengenai upah operasi termasuk beberapa caj lain, kita bersetuju ia tidak menyalahi syarak dan tiada halangan dari sudut syariah agar ia tidak membebankan peminjam dan pemberi pinjam (PTPTN). Jika melihat kepada prinsip, mungkin ia dapat dikurangkan sekitar 1% atau 1.5% daripada kadar sedia ada setelah dibuat perkiraan semula termasuk mengambil kira caj upah dan operasi," kata beliau kepada Utusan Malaysia. Daripada kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa pihak PTPTN mengambil masa untuk mengkaji dan menurunkan kadar caj perkhidmatan yang dikenakan oleh peminjam.

Secara keseluruhannya, nilai min pada bahagian C ini berada pada tahap yang tinggi dengan catatan 3.77 berkaitan tahap pengetahuan pelajar terhadap pembayaran caj perkhidmatan dalam pinjaman PTPTN.

Kebanyakan pelajar mengambil berat tentang kadar caj perkhidmatan yang dikenakan dalam pinjaman PTPTN kerana mereka yang akan membayar balik pinjaman setelah bekerja nanti.

Persepsi Pelajar Terhadap Kesan Pembayaran Caj Perkhidmatan dalam Pinjaman PTPTN

Persoalan kajian yang ketiga dan terakhir diwujudkan bertujuan untuk persepsi pelajar terhadap kesan pembayaran caj perkhidmatan dalam pinjaman PTPTN. Terdapat 13 item yang disediakan untuk menjawab persoalan kajian.

Pada item 25 iaitu saya tidak mempunyai masalah untuk membayar balik wang pinjaman yang dipinjamkan oleh PTPTN berserta kadar caj perkhidmatan yang dikenakan mencatatkan 52 responden (42.6%) bersetuju dan 70 responden yang lain (57.4%) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Perkara ini disokong lagi dengan item 26 yang menyatakan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh PTPTN menyebabkan saya menanggung beban hutang yang banyak. Kebanyakan responden memilih bersetuju iaitu seramai 86 responden (70.4%) manakala 36 responden (29.6%) memilih tidak setuju. Hal ini samalah seperti item 28 yang menyatakan orang yang lambat membuat pembayaran pinjaman PTPTN akan menyebabkan hutangnya bertambah banyak menunjukkan 113 responden (92.6%) bersetuju manakala 9 responden lain (7.4%) tidak bersetuju. Bagi item 29 iaitu pinjaman yang diselesaikan pada masa yang ditetapkan tidak membebaskan penghutang mencatatkan 93 responden (76.2%) bersetuju manakala 29 responden (23.8%) tidak bersetuju. Perkara ini samalah seperti yang berlaku pada item 30 yang menyatakan kadar caj perkhidmatan yang dikenakan oleh PTPTN menyebabkan saya hidup dalam belunggu hutang yang banyak dengan catatan 81 responden (66.4%) bersetuju dan selebihnya 41 responden (33.6%) tidak bersetuju. Ini bermakna mereka amat menyokong pernyataan ini kerana apabila mereka membuat pinjaman dan dikehendaki membayarnya akan menyebabkan hutang mereka bertambah banyak disebabkan kadar caj perkhidmatan yang dikenakan. Hal ini bertepatan dengan sumber yang diperolehi daripada laman web isu-riba-dalam-ptptn.html oleh Mohd Khairul Naim Che Nordin bertarikh 26 Julai 2008 menyatakan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mengambil kontrak pinjaman PTPTN bernilai RM19,000 diwajibkan membayar balik sebanyak RM23,083.89 setelah ditambah lebih 3% bagi tempoh pembayaran 10 tahun. Manakala bagi pelajar institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang mengambil pinjaman sebanyak RM60,000 selama tiga tahun dikenakan bayaran balik sebanyak RM87,261.17. Daripada perkara ini jelas menunjukkan bahawa mereka yang membuat pinjaman akan dikenakan caj perkhidmatan yang tinggi apabila lambat membayarnya.

Pembayaran kadar caj perkhidmatan dalam PTPTN menyebabkan saya tidak dapat memenuhi keperluan hidup yang lain seperti rumah dan kenderaan pada item 31 mencatatkan 62 responden (50.8%) bersetuju manakala 60 responden lagi (49.2%) tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Perbezaan yang amat sedikit ini menunjukkan peminjam merasakan langsung tidak terjejas dengan kadar caj perkhidmatan yang dikenakan PTPTN untuk memiliki lain-lain harta. Perkara ini bertentangan dengan pernyataan dijalankan oleh penyelidik melalui item 32 iaitu kadar pengangguran yang semakin meningkat menimbulkan kesulitan di kalangan para peminjam untuk menjelaskan hutang pinjaman PTPTN menunjukkan 108 responden (88.5%) bersetuju dan hanya 14 responden (11.5%) yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Oleh itu, pihak PTPTN perlu mengkaji semula kadar caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas pembayaran balik pinjaman agar tidak membebaskan peminjam.

Bagi pernyataan item 27 tentang kehidupan orang yang berhutang tidak akan tenteram mencatatkan 110 responden (90.2%) setuju dan hanya 12 responden (9.8%) tidak setuju. Ini mungkin disebabkan mereka yang tidak bersetuju ini masih kekurangan ilmu pengetahuan tentang pinjaman ini. Perkara ini disokong oleh kenyataan yang diberikan oleh Rohayu (1993:25) dengan menyatakan setiap pinjaman yang diberikan akan dikenakan caj perkhidmatan bayaran yang lebih menyebabkan jiwanya gelisah, fikiran menjadi runsing, tidak dapat beribadah dengan khusyuk, berselisih faham dan bercerai anak dan isteri.

Inilah antara penyakit gila bagaikan dirasuk oleh syaitan seperti yang diceritakan dalam al-Quran apabila mereka dibangkitkan daripada kubur kelak.

Tindakan kerajaan yang terlalu berlembut hati menyebabkan peminjam sukar untuk membayar balik pinjaman walaupun sudah bekerja kerana terdapat pelbagai caj perkhidmatan lain yang dikenakan pada item 33 menunjukkan 86 responden (70.4%) bersetuju manakala 36 responden (29.6%) yang lain tidak. Majoriti responden bersetuju dengan pernyataan ini kerana pihak kerajaan tidak mengambil tindakan kepada mereka yang tidak menjelaskan pinjaman PTPTN tersebut. Hal ini disokong lagi dengan kenyataan yang diberikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed melalui akhbar Utusan Malaysia bertarikh 8 April 2007 mengatakan kebanyakan pelajar yang telah tamat pengajian mereka tidak membayar kembali pinjaman tersebut sehingga menyukarkan peminjam yang lain dan jumlah hutang pinjaman yang terkumpul setakat pada tarikh tersebut kira-kira RM11.1 bilion.

Pada item 34 yang menyatakan beban pembayaran balik PTPTN yang tinggi menyebabkan ramai pelajar memilih untuk tidak menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi kerana tidak mahu menambahkan lagi hutang mencatatkan 91 responden (74.6%) bersetuju manakala 31 responden lagi (25.4%) tidak bersetuju dengan pernyataan itu. Hal ini disokong lagi dengan pernyataan pada item 35 iaitu jumlah hutang yang perlu saya jelaskan adalah jauh lebih tinggi daripada jumlah wang yang dipinjam menunjukkan 99 responden (81.2%) bersetuju dan hanya 23 responden (18.8%) tidak bersetuju. Hasil analisis yang dijalankan mengatakan bahawa kebanyakan peminjam tidak bersetuju dengan kadar pembayaran yang dikenakan oleh PTPTN kepada peminjam. Perkara ini tercatat dalam surat peminjam PTPTN yang meminjam sebanyak RM15,000 sepanjang 3 tahun tempoh pengajian peringkat diplomasnya tetapi dikehendaki membayar kembali jumlah pinjaman tersebut sebanyak RM17,939.51 sepanjang tempoh 10 tahun. Ini bermakna kos pentadbiran yang dikenakan adalah sebanyak RM2,939.51.

Bagi item 36 pula iaitu penghutang yang susah untuk membayar balik pinjaman akan membebankan penjamin mencatatkan 113 responden (92.6%) bersetuju manakala 9 responden (7.4%) berpendirian tidak setuju. Perkara ini dipersetujui oleh kebanyakan responden bahawa bebanan kepada penjamin sekiranya pinjaman tidak dibayar. Hal ini ditegaskan lagi oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed melalui akhbar Utusan Malaysia bertarikh 8 April 2007 mengatakan PTPTN membuat keputusan mulai bulan April ini, para ibu bapa akan menjadi penjamin kepada anak-anak mereka (peminjam PTPTN) bagi mengelakkan peminjam ini bersikap lepas tangan. Daripada kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa peminjam yang sukar untuk membayar kembali pinjaman mereka akan membebankan penjamin terutama ibu bapa peminjam. Sekiranya peminjam berasal daripada keluarga berada tidaklah membebankan ibu bapa mereka tetapi bagi yang berasal daripada keluarga susah akan menyebabkan ibu bapa mereka ini dibebani hutang yang banyak dan sukar membayarnya.

Di samping itu, pada item 37 yang menyatakan bahawa Tuhan tidak suka kepada orang yang menjalankan urusan niaga yang mengandungi unsur lebihan atau riba (interest). Hasil kajian penyelidik mencatatkan hanya 14 responden (11.5%) memilih tidak setuju dan selebihnya 108 responden (88.5%) bersetuju.

RUMUSAN

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan ke atas para pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan UTM, Skudai iaitu berkenaan isu kadar caj perkhidmatan yang dikenakan dalam pinjaman PTPTN, maka penyelidik telah membuat beberapa rumusan. Rumusan itu adalah mengikut tiga persoalan kajian yang ditetapkan oleh penyelidik di peringkat awal kajian. Rumusan tersebut adalah seperti berikut :-

1 Pelajar berpandangan perlu berhutang atau meminjam untuk memenuhi keperluan hidup seperti dalam bidang pendidikan kerana pendidikan adalah penting dalam kehidupan supaya kita tidak ketinggalan.

- 2 Pelajar bersetuju bahawa faktor kesempitan hidup seperti kekurangan tabungan dan latar belakang keluarga menyebabkan mereka membuat pinjaman PTPTN.
- 3 Pelajar berpendapat bahawa caj perkhidmatan yang dikenakan dalam pinjaman PTPTN itu mengandungi unsur lebihan atau riba dan perlu dikaji semula.
- 4 Pelajar sangat menyokong tindakan kerajaan sekiranya mereka menghapuskan caj perkhidmatan atau kadar caj perkhidmatan yang dikenakan dalam pinjaman ini diubah kepada bentuk kebajikan atau pinjaman tanpa caj perkhidmatan.
- 5 Pelajar berpandangan bahawa seseorang yang berhutang perlulah menjelaskan hutangnya apabila telah sampai masanya kerana adalah menjadi kewajipan kepada setiap peminjam untuk memulangkan kembali pinjaman yang telah diberikan supaya pihak lain tidak terbeban.
- 6 Pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam pelbagai bidang ilmu bersetuju dalam setiap agama tidak menggalakkan perbuatan memakan riba atau caj perkhidmatan kerana boleh merosakkan masyarakat.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdullah Basmeih (2001). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al- Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Abdul Moneim Mahmoud el-Ghousi, (1982). *Riba, Islamic Law and Interest*. Michigan,USA: University Microfilms International.

Afzal al-Rahman, (1991). *Doktrin Ekonomi Islam, jilid 3 (terjemahan Osman Ahmad dan Mazni Othman)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Ahmad Razaai bin Ayudin, Saiman bin Marjuki, Dr. & Ab.Latif bin Hamid, Dr. (1995). *Riba*. Kuala Lumpur: Penerbitan al-Ramadhan. Fadzila Azni, "Mengurus Kemiskinan Melalui Qardhul Hasan" dalam *Dewan Ekonomi*, Ogos 2000.

H. Moh Abdai Rohtomy, (2000). *Terjemahan Hadis Sahih al-Bukhari*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.

H. Chairuman Pasaribu, Drs. & Suhrawardi K.Lubis, SH (1994). *Hukum Perjanjian dalam Islam*. Jakarta: Sinar Grafika.

Malaysia, perintah-perintah am & arahan Pentadbiran. (1983). Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Mohd Majid Konting (2004) *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mazlah Yaacob (1991), *Pinjaman Kerajaan: Satu Penilaian Dari Segi Hukum Syarak*. Latihan Ilmiah. Selangor: Universiti Malaya.

Mohammad Ali Hj. Baharum, Dr. (1990). *Masalah Perumahan & Penyelesaiaannya Menurut Perspektif Islam*. Petaling Jaya: Dewan Bahasa & Pustaka.